

Tanggungjawab Sosial Korporat



YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Pemangku Menteri Wilayah Persekutuan (ketiga dari kiri) mengucapkan tahniah kepada Encik Mustafa Haji Mohd Nor (paling kiri) sambil diiringi oleh Tuan Haji Salleh Yusop, Ketua Pengarah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (kedua dari kiri) dan YBhg Tan Sri Mohd Amin Osman, Presiden, Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan (paling kanan) di majlis penyampaian cek 'AmBank-Kuala Lumpur International Marathon 2006'.



Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak (tengah) di atas pentas bersama Tan Sri Dato' Azman Hashim (paling kiri) dan tetamu-tetamu kehormat lain menyambut tahun baru di konsert 'AmBank Group Gemilang 2006'.



Prof W Y Chin, Naib Presiden, Majlis Olimpik Malaysia (kiri), dan Encik Mahdi Murad, Pengarah Eksekutif, AmBank (M) Berhad, memegang logo-logo untuk petanda usaha sama di antara AmBank Group dan Majlis Olimpik Malaysia.



Syed Anuar Syed Ali, Pengarah Hal Ehwal Awam Kumpulan, Kumpulan AmBank (kanan), menyampaikan kad penajaan 'School Sponsorship Programme' kepada YB Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran.

Kanak-kanak dari Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia bergambar bersama pegawai-pegawai dari Kumpulan AmBank dan Zoo Negara.



Sebagai Penaja Utama untuk acara majlis pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2007, Kumpulan AmBank telah mempersembahkan konsert 'AmBank Group Gemilang 2006' pada 31 Disember 2005. Acara ini juga telah berfungsi sebagai sambutan tahun baru. Dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri, usaha sama ini dengan Kementerian Pelancongan, Tourism Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan hiburan sepanjang malam dan satu pertunjukan bunga api hebat untuk para penonton, yang telah melimpahi Dataran Merdeka ke jalanraya yang mengelilingi Dataran Merdeka.

Artis-artis Malaysia terkenal, termasuk Reshmonu, Ruffedge, Zainal Abidin dan Daniel (Malaysian Idol 2005) menghiburkan para penonton dengan nyanyian dan aksi yang pelbagai dan menawan hati. Acara ini bukan sahaja menyokong usaha-usaha Kerajaan Malaysia mempromosikan Malaysia kepada warganegara Malaysia tetapi juga kepada pelawat ke Malaysia, supaya mereka dapat menikmati

kekayaan dan kepelbagaian geografi, kebudayaan, sejarah Malaysia serta keramahan rakyat Malaysia. Acara ini menandakan kali kedua di dalam tempoh tiga tahun (acara tahun lepas telah dibatalkan sebagai tanda penghormatan kepada mangsa bencana tsunami) di mana Kumpulan AmBank telah menganjurkan acara sebesar ini, sebagai petanda komitmennya sebagai warga korporat yang mesra rakyat, serta contoh usaha sama sektor swasta dengan Kerajaan untuk menjayakan 'Malaysia Incorporated'.

Mengiringi usaha-usaha mempromosikan Malaysia sebagai pemain global di bidang sukan, Kumpulan AmBank telah menjadi Kumpulan Perbankan Rasmi Majlis Olimpik Malaysia. Pengumuman ini yang telah dibuat pada Februari 2006, menandakan sokongan Kumpulan AmBank bukan sahaja untuk sukan di Malaysia tetapi juga sukan di arena antarabangsa. Melalui perjanjian ini, Kumpulan AmBank akan menyediakan perkhidmatan dan kepakaran kewangannya untuk manfaat Majlis Olimpik Malaysia dan gabungannya, termasuk 47 persatuan sukan kebangsaan serta atlet mereka. Kumpulan ini juga akan menyokong kontingen Malaysia ke acara penting seperti Sukan Asia (Doha, Disember 2006) dan seterusnya ke Sukan Olimpik Beijing 2008.



Para pelumba melintasi garisan permulaan 'AmBank-Kuala Lumpur International Marathon 2006'.



Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, Kumpulan AmBank (kiri), berjabat tangan dengan Ooi Fei Hoong, pemandu Pasukan 'AmBank Malaysia Rotax Junior' sebelum perlumbaan terakhir 'Rotax Max Challenge Grand Finals 2005'.

Kumpulan AmBank menyokong peranan acara sukan antarabangsa untuk mengukuhkan persefahaman dan persahabatan antara negara-negara asing, menerusi penajaannya untuk acara AmBank Group Kuala Lumpur International Marathon untuk kali kedua yang bernilai RM400,000. Acara lumba lari ini mendapat sambutan baik apabila lebih daripada 8,000 atlet tempatan dan juga antarabangsa telah mengambil bahagian. Acara antarabangsa Rotax Max Challenge Grand Finals 2005 di Langkawi telah ditaja untuk mendorong pemandu-pemandu muda mencapai kejayaan dalam bidang perlumbaan 'kart' antarabangsa yang kompetitif. Kumpulan turut menyumbang RM30,000 untuk menjayakan acara-acara ekuestrian yang dianjurkan oleh Malaysia seperti 'Malaysian Open 2005' dan 'Merdeka Masters 2005'.

Di antara inisiatif membantu golongan miskin dan kurang upaya adalah sesi-sesi Berbuka Puasa yang diadakan pada bulan Ramadan setiap tahun. Pada tahun 2005, kakitangan Kumpulan AmBank telah memeriahkan suasana Rumah Amal Hashimiah (rumah perlindungan untuk 150 anak yatim dan kanak-kanak kurang upaya), dengan pemberian hadiah Hari Raya dan juga jamuan istimewa. Rahmat Ramadan merupakan satu lagi acara yang telah diadakan di Dataran Merdeka yang telah dianjurkan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk 5,000 warganegara kurang bernasib baik dari Lembah Kelang. Sumbangan juga telah disalurkan kepada rancangan Tjajah Ramadan

yang telah menyiarkan episod-episod 30-saat melalui saluran TV1 sepanjang bulan Ramadan. Aktiviti lain termasuk lawatan ke Zoo Negara oleh kanak-kanak dari Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia, di mana Kumpulan AmBank telah mengambil kesempatan untuk menyampaikan kepada Zoo Negara penajaan untuk unta-unta Dromedary yang bernilai RM30,000 untuk tahun ke-19.

Melalui penajaan Kumpulan AmBank untuk 'School Sponsorship Programme' New Straits Times, naskah-naskah percuma suratkhbar tersebut telah didarkan ke sekolah-sekolah untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar. Skim Mudah Milik RM1, di mana AmBank adalah bank eksklusif, telah membantu golongan pendapatan rendah di Pulau Pinang membeli rumah kos rendah, manakala Tabung Perumahan Sabah pula telah menawarkan peluang yang sama di Sabah.

Dalam usaha menyokong kempen-kempen kesihatan, Kumpulan AmBank telah menyumbangkan RM200,000 kepada jamuan makan malam 'Feast With Pride' yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kanser payu dara, dan juga RM88,000 untuk 'Charity Dinner' yang telah dianjurkan oleh Malaysian Liver Foundation. Pada bulan September, kakitangan Kumpulan AmBank telah menjayakan kempen menderma darah sebagai tanda sokongan kepada Tabung Darah Negara.



YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kiri) menerima tabung simpanan unta dari Syed Anuar Syed Ali, Pengarah, Hal Ehwal Awam Kumpulan, Kumpulan AmBank, bersama dengan kakitangan Kumpulan AmBank di acara amal 'Rahmat Ramadan'.



Para penaja serta Kumpulan AmBank, bergambar dengan YBhg Tan Sri Francis Yeoh (tengah) dan 'mock cheque' yang disampaikan di acara jamuan makan malam 'Feast with Pride Dinner'.

Takwim Peristiwa-peristiwa Penting: Aktiviti Perniagaan

April 2005 hingga Jun 2006



Puan Pushpa Rajadurai (Pegawai Eksekutif, AmMerchant Bank, kiri) dan Encik Lee Kah Keng (Pegawai Urusan Kumpulan, Minetech Resources Berhad, kanan) berjabat tangan untuk menandatangani perjanjian baru semasa bertukar dokumen-dokumen penajaan jaminan.

Mei 2005

- Kumpulan AmBank mengadakan persidangan '2nd Mortgage Sales Conference' dan buat pertama kalinya persidangan bergabung 'Mortgage and Cards National Sales Conference'.
- AmAssurance Berhad menganjurkan '17th National Convention 2005'.



Ahli baru dalam rangkaian kad-kad Kumpulan AmBank: (Kiri ke kanan) Encik Nyang Koon Seng, Ketua Pegawai Eksekutif, Advance Information Marketing (AIM); Encik Mohamed Azmi Mahmood, Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad; Encik Perry Ong, Pengurus Besar, Pusat Kad AmBank; Encik Mahdi Murad, Pengarah Eksekutif, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad; dan YBhg Dato' Shamsuddin Hayroni, Pengerusi, Electronic Commerce Technology Sdn Bhd, memegang contoh AmBank-RealRewards MasterCard.

- Kumpulan AmBank bersama RealRewards melancarkan AmBank-RealRewards MasterCard.
- Kumpulan AmInvestment Group telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia.
- AmMerchant Bank menandatangani perjanjian penaja jamin dengan Eonmetall Group Berhad untuk usaha pengapungan di Papan Kedua Bursa Malaysia.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Pengatur Utama Bersama pengatur bernilai RM120 Juta untuk Supermax Corporation Berhad.
- AmMerchant Bank menandatangani perjanjian penajaan jamin dengan Tenaga Kimia Berhad untuk usaha pengapungan di Papan Kedua Bursa Malaysia.

04

April 2005

- AmMerchant Bank bertindak sebagai Pengatur Utama Bersama untuk penyediaan kemudahan pembiayaan Islam bernilai sehingga RM6.1 Bilion untuk cadangan stesen kuasa Jimah Energy Ventures Sdn Bhd di Negeri Sembilan.
- AmMerchant Bank menandatangani satu perjanjian penaja jaminan dengan Minetech Resources Berhad untuk usaha pengapungan di Papan Kedua Bursa Malaysia.
- AmMerchant Bank menandatangani satu perjanjian penaja jaminan dengan Tanjung Offshore Berhad untuk usaha pengapungan di Papan Kedua Bursa Malaysia.



Kiri ke kanan: YM Tunku Afwida Malek, Ketua Pegawai Eksekutif, MIMB; Encik Abdullah Mat Noh, Chairman, RHB Sakura; YB Datuk Seri DrLim Keng Yaik, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi; Tunku Naquiyuddin ibni Tuanku Ja'afar, Pengerusi, Jimah Energy Ventures; Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, AmBank Group; YBhg Dato' Abdul Manap AbdWahab, Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat; and Puan Surindar Kaur A/P Gian Singh, Ketua Pegawai Eksekutif, Mayban Trustees Berhad.



Kiri ke kanan: Puan Pushpa Rajadurai (Pegarah Eksekutif, AmMerchant Bank), Encik T C Kok (Pegarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, AmMerchant Bank), Encik Yusli Bin Mohamed Yusoff (Ketua Pegawai Eksekutif dan Pegarah Urusan, Bursa Malaysia), and Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, AmBank Group) bergembira dengan penyenaian AmlInvestment Group.



Gabenor Bank Negara Malaysia YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz melancarkan ABF Malaysia disaksikan oleh Tan Sri Dato' Azman Hashim (hujung kiri), YABhg Tun Mohamed Dzaiddin bin Haji Abdullah, Pengerusi, Bursa Malaysia (ketiga dari kiri) dan Encik Yusli bin Mohamed Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Malaysia (hujung kanan).



Pelancaran Menara AmBank, ibu pejabat AmBank (M) Berhad yang baru ditubuhkan.

06

Jun 2005

- AmlInvestment Group menerima lima anugerah di "RAM League Awards 2005" dari Rating Agency Malaysia untuk pencapaian dalam Pasaran Bon Malaysia.
- AmBank Group melancarkan secara rasmi AmBank (M) Berhad, entiti baru hasil gabungan subsidiari-subsidiari AmBank Berhad and AmFinance Berhad.
- AmBank melancarkan barang-barangan premium pada harga istimewa khusus untuk pemegang-pemegang akaun Savers' G.a.n.g.
- AmMerchant Bank menandatangani satu perjanjian penajaan jaminan dengan Comex Genesys Berhad untuk usaha pengapungan di pasaran MESDAQ Bursa Sekuriti.

Julai 2005

- AmlInvestment Group menyenaraikan ABF Malaysia Bond Index Fund di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Dana ini merupakan "Exchange Traded Fund" (ETF) pertama di Malaysia, bon ETF pertama di Malaysia dan juga di Asia Tenggara.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat, Penasihat, Penaja, Pengurus Penaja Jamin, dan Agen Penempatan untuk cadangan penyenaian Key West Global Telecommunications Berhad di pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.
- AmAssurance melancarkan program AmRecovery dengan kerjasama Captor Retail Sdn Bhd.
- Kumpulan AmBank mengambil bahagian di dalam 'Islamic Banking and Takaful Road Show (IBTR) 2005' yang diadakan di Danga Bay, Johor Bahru.
- AmAssurance, MCM Tech dan eBaoTech menandatangani perjanjian bernilai RM22.0 Juta untuk satu sistem Insurans Nyawa dan Am.

Ogos 2005

- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin untuk Dua Terbitan Hak Panggilan Boleh-Tolak 3-untuk-5 untuk GHL Systems Berhad.
- Kumpulan AmBank telah menaja Program Penajaan Sekolah New Straits Times untuk melahirkan pelajar yang lebih fasih dalam Bahasa Inggeris.

08



Kiri ke kanan: Encik Tay Beng Lock (Pegarah Urusan Kumpulan, GHL Systems), Puan Pushpa Rajadurai (Pegarah Eksekutif, AmMerchant Bank), YM Tunku Dato' Abdul Malek Bin Tunku Kassim (Pengerusi, GHL Systems), dan Encik Lee Yew Kin (Pegarah Eksekutif Operasi, AmSecurities) sewaktu pengumuman Isu Hak GHL Systems Berhad.



Kiri ke kanan: Encik Lee Yew Kin (Pegarah Eksekutif, Operasi, AmSecurities), Encik T C Kok (Pegarah Urusan, AmMerchant Bank), Professor Emeritus Dato' Dr Khalid Abdul Kadir (Pengerusi, TMC Life Sciences), dan Dr Colin Lee Soon Soo (Pegarah Urusan, TMC Life Sciences), bertukar dokumen-dokumen dalam majlis untuk menandakan peranan AmMerchant Bank sebagai Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin untuk IPO dan penyenaiaan TMC Life Sciences Berhad.

September 2005

- Majalah FinanceAsia menamakan AmMerchant Bank sebagai penerima anugerah 'Best Bond House in Malaysia' untuk 'FinanceAsia Country Awards for Achievement 2005'.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin untuk tawaran awam awal (IPO) dan penyenaiaan TMC Life Sciences Berhad dalam pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.
- Cawangan pesisir pantai Labuan AmMerchant Bank telah dilantik oleh Rimbunan Hijau Group untuk bertindak sebagai penasihat dan penyelarasan untuk kajian kemungkinan dan pengutipan dana berkaitan dengan penubuhan kilang penapis minyak mentah di Jiangsu Province, People's Republic of China.

09



Kiri ke kanan: Encik Steven Irvine (Pegarang, FinanceAsia), Encik T C Kok (Pegarah Urusan, AmMerchant Bank), Encik Jonathan Hirst (Pegarah Urusan, FinanceAsia), dan Encik Foster Wright (Penerbit, FinanceAsia) di majlis anugerah 'FinanceAsia Country Awards for Achievement 2005'.

09

- AmInternational (Labuan) Ltd menerima anugerah 'Most Outstanding Listing Sponsor on the Labuan International Financial Exchange' di majlis makan malam tahunan Labuan Offshore Industry.
- Kumpulan AmBank telah menganjurkan Persidangan Pelabur AmSecurities-AmResearch 2005, yang telah distrukturkan secara luas dengan objektif mengenal pasti arah aliran utama, hala tujuan, dan prospek di dalam pelbagai industri dan sektor ekonomi Malaysia.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat, Penaja, Pengurus Penaja Jamin, dan Agen Penempatan untuk penyenaian ConnectCounty Holdings Berhad di pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.



Kiri ke kanan: Encik Charles Sik (Pegarah Produk Pengurusan Kekayaan, Citibank), Encik Cheah Chuan Lok (Ketua Pegawai Eksekutif, AmInvestment Services Berhad), YBhg Datin Maznah Mahbob (Ketua Pegawai Eksekutif, AmInvestment Management Sdn Bhd), dan Encik Chris Reilly (Pegarah Harta Benda, Asia, Henderson Global Investors (Singapore) Ltd) melancarkan AmGlobal.



Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, Kumpulan AmBank (kiri), berjabat tangan dengan YBhg Professor Dr Mohd Kamal Hassan, Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (kanan).

Oktober 2005

- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat, Penaja, Pengurus Penaja Jamin, dan Agen Penempatan bagi penyenaian Flonic Hi-Tec di pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat, Penaja, Pengurus Penaja Jamin, dan Agen Penempatan Tunggai bagi penyenaian K-One Tech di pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.
- Kumpulan AmBank menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan juga menaja dua bilik seminar dalam usahanya untuk mempromosikan perbankan Islam dan menyumbang dan memberi pertolongan dalam pembangunan pendidikan di universiti tempatan.

10



Kiri ke kanan: Encik Ang Chuang Juay (Pegarah Urusan, ConnectCounty), Encik T C Kok, (Pegarah Urusan, AmMerchant Bank), Puan Noraini Ahmad (Pengerusi, ConnectCounty), dan Encik Mustafa Mohd Nor (Pegarah Urusan, AmSecurities).



Kiri ke kanan: Encik Lee Yew Kin (Pegarah Eksekutif, Operasi, AmSecurities), Puan Pushpa Rajadurai (Pegarah Eksekutif, AmMerchant Bank), Encik Edwin Lim (Pengerusi Eksekutif, K-One Tech), dan Encik Martin Lim (Ketua Pegawai Eksekutif/Pegarah Eksekutif, K-One Tech).

10



Kiri ke kanan: Encik Lee Yew Kin (Pegawai Eksekutif, Operasi, AmSecurities), Puan Pushpa Rajadurai (Pegawai Eksekutif, AmMerchant Bank), Encik Yen Yoon Fah (Pegawai Eksekutif, Flonic), Encik Looa Hong Hooi (Pegawai Urusan, Flonic), dan Encik Heng Hock Meng (Pegawai Eksekutif, Flonic).

- Bahagian Pengurusan Dana (FMD) AmInvestment Group telah menamakan AmMutual sebagai jenama baru untuk dana amanah sahamnya, dan telah melantik Puan Yvonne Phe sebagai Ketua Pegawai Pelaburan, Pendapatan Tetap, dan Encik Andrew Wong sebagai Ketua Pegawai Pelaburan, Ekuiti.
- AmMutual telah melancarkan dana amanah saham AmGlobal Property Equities Fund, yang merupakan dana pertama di Malaysia yang menawarkan pelaburan sekuriti harta tanah sedunia.



Kiri ke kanan: Pengerusi Kumpulan AmBank Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengarah Urusan YTL Corporation YBhg Tan Sri Dato' Francis Yeoh, Pengarah Eksekutif YTL Corporation YBhg Tan Sri Dato' Seri Yeoh Tiong Lay, dan Pengerusi ECM Libra Berhad YBhg Dato' Kalimullah Hassan semasa pelancaran prospektus Starhill REIT.

November 2005

- AmMerchant Bank antara tiga penerima anugerah 'Most Innovative Islamic Financial Products' yang disampaikan di majlis 'Islamic Banking Awards' sempena 'Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2005'.
- The Asset mengumumkan AmMerchant Bank antara penerima anugerah 'Best Deal of the Year in Malaysia 2005' dalam anugerah tahunan 'Asset Triple A Country Awards 2005'.

11



Encik T C Kok, (Pegawai Urusan, AmMerchant Bank) (kedua dari kanan) dan Encik Seohan Soo (Pegawai, Pasaran Modal Hutang, AmMerchant Bank) (paling kanan) dengan para wakil dari Cagamas MBS, Standard Chartered Bank, dan ECM Libra Capital.



Kiri ke kanan: Encik Ang Chor Teng (Pegawai Eksekutif, KBB), Puan Tai Chok Ping (Pegawai Eksekutif, KBB), Encik Ang Cho Teing (Pegawai Urusan, KBB), YAB Tan Sri Dr Koh Tsu Koon (Ketua Menteri Pulau Pinang), dan YBhg Datuk Md Kamal bin Bilal (Pengerusi/Pegawai Bukan-Eksekutif Bebas, KBB).

- AmMerchant Bank, bersama dengan Standard Chartered Bank Malaysia, merupakan Penasihat Utama Bersama dan Pengatur Utama Bersama untuk terbitan Sekuriti Kediaman Dijamin-Gadai-Janji ketiga Malaysia oleh Cagamas MBS.

- AmInvestment Group merupakan pengurus utama bersama untuk penyenaian Starhill Real Estate Investment Trust (REIT) oleh Kumpulan YTL di Papan Utama Bursa Malaysia.

- Seiring dengan komitmen Kumpulan AmBank untuk terus memperbaiki perkhidmatan pelanggannya, AmBank dan AmAssurance telah melancarkan 'Contact Centre' baru dengan infrastruktur yang dinaiktarafkan.

12



Pegawai Eksekutif UOA Asset Management, Encik David Khor (kiri), dan Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Dato' Azman Hashim (kanan), memaparkan salinan prospektus UOA REIT.

Disember 2005

- AmMerchant Bank telah dinamakan penasihat utama di Malaysia dari 1 Januari 2005 hingga 11 November 2005 di Jadual Liga Bloomberg M&A Malaysia untuk tahun 2005.

- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat untuk pindahan KBB Resources Berhad (KBB) dari Papan Kedua ke Papan Utama Bursa Malaysia.

- AmMerchant Bank merupakan Penasihat dan Pengatur untuk Pinjaman Bertempoh RM200.0 Juta dan Program Surat Perdagangan Komersial Murabahah RM150.0 untuk Guthrie Berhad.

- AmMerchant Bank merupakan Penasihat, Pengurus Penaja Jamin, dan Pengurus Buku Tunggal untuk penyenaian Real Estate Investment Trust UOA Asset Management Sdn Bhd di Papan Utama Bursa Malaysia.

- Kumpulan AmBank memeterai perjanjian cadangan usaha sama dengan Insurance Australia Group Limited dan AmAssurance Berhad.

- FinanceAsia menganugerahkan dua anugerah 'Annual Achievement Awards' kepada AmMerchant Bank kerana bertindak sebagai salah satu daripada pengurus utama Sekuriti Kediaman Dijamin-Gadai-Janji Islam (RMBS) pertama di dunia yang ditarafkan, iaitu urus niaga Cagamas RM2.05 bilion RMBS.

Januari 2006

- Kumpulan AmBank melantik Encik Mustafa Mohd Nor sebagai Penasihat Ekonomi Kumpulan AmInvestment, manakala Encik John Tan Giap How mengambil alih jawatan Pegawai Urusan AmSecurities.

- AmBank memperkenalkan kad kredit baru Imagine Visa, yang didasarkan kepada golongan muda profesional.

01



Encik Teng Chean Choy (Pegawai, Perbendaharaan Kumpulan, AmMerchant Bank) (kiri), dan YBhg Dato' Abd Wahab Maskan (Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Guthrie) sewaktu pengumuman Program Pinjaman Jangka dan Kertas Komersial Murabahah.

Februari 2006

- AmDynamic Bond Fund dari AmMutual Funds telah memenangi kategori 1-tahun 'Fixed Income MYR' dalam anugerah 'The Star/Standard & Poor's Investment Fund Awards Malaysia 2006'.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat, Penaja, Pengurus Penaja Jamin, dan Agen Penempatan untuk penyenaian VisDynamics Holdings Berhad dalam pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat, Penaja, Pengurus Penaja Jamin, dan Agen Penempatan untuk penyenaian Airocom Technology Berhad dalam pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.
- AmBank (M) Berhad dengan rasminya melancarkan AmBank Platinum MasterCard dan Al-Tasliif AmBank Platinum MasterCard, yang merupakan dua kad kredit unggul untuk pasaran pengguna mewah Malaysia.



Puan Yvonne Phe Kheng Peng, Ketua Pegawai Pelaburan, Pendapatan Tetap, AmInvestment Management Sdn Bhd (kiri) dan Encik Cheah Chuan Lok, Ketua Pegawai Eksekutif, AmInvestment Services Berhad, di majlis anugerah 'The Star/Standard & Poor's Investment Fund Awards Malaysia 2006'.



Majlis Pelancaran Platinum: (Kiri ke kanan) Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, AmBank Group), Encik Mohamed Azmi Mahmood (Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad), Encik Jim Cheah (Timbalan Presiden Antarabangsa MasterCard dan Pengurus Kanan Negara, Malaysia dan Brunei), dan Perry Ong (Pengurus Am, Perkhidmatan Kad dan Jabatan LOC, AmBank (M) Berhad) semasa majlis pelancaran Kad Platinum MasterCard AmBank.

- AmBank (M) Berhad memperkenalkan kad kredit keluaran terhadap 'AmBank RealRewards MasterCard 2006 FIFA World Cup Card' dengan reka bentuk bergaya untuk menarik minat peminat bola sepak.
- AmBank (M) Berhad bersama dengan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad melancarkan 'AmBiz Cash Plan' untuk pendedar kereta baru, melengkapkan produk SME AmBank yang sedia ada.



Kiri ke kanan: Encik Khairil Anuar Abdullah (Pengerusi, VisDynamics), Encik Choy Ngee Hoe (Pengarah Urusan Eksekutif, VisDynamics), Puan Pushpa Rajadurai (Pengarah Eksekutif, AmMerchant Bank), dan Encik John Tan Giap (Pengarah Urusan, AmSecurities).



Kiri ke kanan: Encik Khairil Anuar Abdullah (Pengarah, Airocom), Puan Pushpa Rajadurai (Pengarah Eksekutif, AmMerchant Bank), YBhg Datuk Ali Abdul Kadir (Pengerusi, Airocom), dan Encik Lee Yew Kin (Pengarah Eksekutif, Operasi, AmSecurities).



Encik Mohamed Azmi Mahmood, Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad, (kiri) dan YBhg Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, sedang bertukar dokumen.

04

April 2006

- AmMerchant Bank bertindak sebagai Pengatur Utama dan Pengurus Utama Tunggal untuk terbitan bon lima-tahun RM500 juta Asian Development Bank di bawah program Nota Jangka Masa Pertengahan (MTN) RM3.8 bilion.
- AmBank (M) Berhad melancarkan AmBiz-CashPro, serangkaian perkhidmatan pengurusan tunai yang baru. Perkhidmatan ini dijamin menambah kecekapan dan mengurangkan kos pelanggan perniagaan menjalankan tugas harian dalam pengurusan tunai.
- Bahagian Pengurusan Dana AmInvestment Group melancarkan AmOasis Global Islamic Equity, dana ekuiti global Islam pertama di Malaysia.
- AmAssurance Berhad telah memperoleh sebuah menara pejabat yang sebelum ini dikenali sebagai Bangunan AMDB untuk dijadikan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Menara ini kini telah dinamakan semula Bangunan AmAssurance.



Encik Mohamed Azmi Mahmood, Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Bhd (kanan), bersama Puan Basariah Abd Latiff, Ketua Pegawai Operasi, Rangkaian Segar Sdn Bhd, melancarkan perkhidmatan tambah nilai kad Touch 'n Go yang pertama di Malaysia melalui mesin-mesin deposit tunai AmBank.

- AmBank (M) Berhad dan Rangkaian Segar Sdn Bhd melancarkan perkhidmatan tambah nilai kad-kad Touch 'n Go yang pertama di Malaysia melalui mesin-mesin deposit tunai. Perkhidmatan ini menggunakan rangkaian mesin-mesin deposit tunai (CDM) AmBank di serata negara.

Mei 2006

- Anak syarikat perbankan Islam Kumpulan AmBank, AmIslamic Bank Berhad, dilancarkan secara rasmi oleh YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Gabenor, Bank Negara Malaysia, di Menara AmBank, Kuala Lumpur.
- Kumpulan AmInvestment diiktiraf salah satu daripada dua 'Penyedia Domestik Terbaik untuk Produk Mata Wang Tempatan' di Malaysia untuk rangkaian produk kadar faedah berstruktur dalam tinjauan pendapat 'Asiamoney Structured Products Poll'.
- Kumpulan AmBank mengambil bahagian dalam pameran SMIDEX 2006 di Kuala Lumpur Convention Centre yang telah mendapat liputan meluas.



Dari kiri: Encik Cheah Tek Kuang (Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan AmBank), YBhg Dato' Ooi Sang Kuang (Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia), Encik Mikio Kashiwagi (Bendahari, Asian Development Bank) dan Encik Juan Limandibrata (Penolong Bendahari, Asian Development Bank).

05



Dari kiri: YB Datuk Haji Hajiji Haji Noor, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, YB Datuk Rubin Balang, Pengerusi LPPB (berdiri), Puan PS Wong, Pengurus Besar, LPPB, YAB Datuk Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah, YBhg Dato' Azlan Hashim, Timbalan Pengerusi, Kumpulan AmBank Group (berdiri), Encik Mohamed Azmi Mahmood, Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Bhd, dan Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, Kumpulan AmBank.

05

- Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Dato' Azman Hashim telah dilantik menjadi Pengerusi Pacific Basin Economic Council (PBEC).
- Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) dan AmBank (M) Berhad, yang bertindak sebagai Pembiaya Utama, menandatangani satu perjanjian memperingati pelancaran skim Tabung Perumahan Sabah (TPS).



Dari kiri: Encik Mohamed Azmi (Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad), Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, Kumpulan AmBank), Datuk Zamani Abdul Ghani (Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia), YB Dato' Awang Adek Husin (Timbalan Menteri Kewangan II), dan Encik Chung Hon Cheong (Ketua Pegawai Eksekutif, Rexit Software Sdn Bhd).

06

Jun 2006

- AmBank (M) Berhad dan Rexit Software Sdn Bhd menandatangani satu perjanjian memperingati perkongsian untuk langganan perkhidmatan e-Hire Purchase.
- AmMerchant Bank bertindak sebagai Penasihat, Penaja, Pengurus Penaja Jamin, dan Agen Penempatan untuk penyenaaran Scan Associates Berhad di pasaran MESDAQ Bursa Malaysia.
- Kumpulan AmInvestment di-anugerahkan tujuh 'RAM League Awards' oleh Rating Agency Malaysia untuk pencapaiannya dalam pasaran bon domestik.



Dari kiri: Encik John Tan Giap How (Pengarah Urusan, AmSecurities Sdn Bhd), YBhg Dato' Nasri Nasrun (Pengarah, Scan Associates), Puan Pushpa Rajadurai (Pengarah Eksekutif, AmMerchant Bank Berhad), dan Encik Aminuddin Baki Esa (Ketua Pegawai Eksekutif, Scan Associates).

06

Takwim Peristiwa-peristiwa Penting: Aktiviti Sosial dan Sukan

April 2005 – Jun 2006

April 2005

- Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti dan Persatuan Kanak-kanak Spastik Pulau Pinang menerima sumbangan terkumpul bernilai RM35,223.80 melalui program Al-Tasliif 'Share & Care'.
- Kelab AmBank Group menganjurkan acara 'Treasure Hunt' tahunan bertemakan 'AmAzing Hunt' dari Kuala Lumpur ke Pulau Pangkor dengan penyertaan seramai 240 ahli dalam 104 buah kereta.
- Kumpulan AmBank menyumbangkan RM89,655 kepada Rumah Berkat di Hospital Kuala Lumpur untuk membantu pengendalian harian serta memperbaiki kemudahannya.



Wajah-wajah ceria penerima Anugerah Khidmat Lama dari Kumpulan AmBank.

Mei 2005

- Kumpulan AmBank memulakan tahun ke-19 menaja unta-unta di Zoo Negara dengan sumbangan bernilai RM30,000 sebagai penaja eksklusif Unta Dromedary.
- Satu majlis penyampaian hadiah telah diadakan untuk menganugerahkan pemenang-pemenang peraduan menulis slogan dalam Peraduan Miliki Ganjaran Wang Tunai oleh 'AmBank Personal Financing'.

Julai 2005

- Kumpulan AmBank menganjurkan Hari Keluarga di A'Famosa Resort, Ayer Keroh, Melaka. Seramai 2,163 kakitangan Kumpulan AmBank serta ahli-ahli keluarga mereka daripada Kawasan Selatan telah menyertai acara ini.
- Kumpulan AmBank telah juga mengadakan Majlis Anugerah Khidmat Lama untuk kakitangan Kawasan-kawasan Lembah Kelang dan Selatan di A'Famosa Resort, Ayer Keroh, Melaka. Seramai 122 kakitangan dari pelbagai subsidiari telah menerima anugerah dalam majlis ini.

04



Buat album kenangan (kiri ke kanan): YB Datuk Haji Abdul Rashid bin Abdullah (Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang), Encik Ahmad Zaini Othman, Pengurus Besar Kanan, Kumpulan Perbankan Islam, Kumpulan AmBank, Encik Gan Yok Chuan, Pengurus Kawasan, Kawasan 1, Kumpulan AmBank, berbual dengan kanak-kanak dari Persatuan Kanak-kanak Spastik Pulau Pinang dan Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas ketika menerima cek masing-masing.



Tan Sri Dato' Azman Hashim berjabat tangan dengan seorang peserta muda YM Tunku Arishah (kanan) sementara diperhatikan oleh seorang Orang Asli Indian Amerika semasa Hari Keluarga kawasan-kawasan Lembah Kelang dan Selatan di Melaka.



Syed Anuar Syed Ali, Pengarah Hal Ehwal Awam Kumpulan, Kumpulan AmBank (kiri) menyampaikan cek untuk sumbangan 'Malaysian Open 2005' dan 'Merdeka Masters 2005' kepada Menteri Belia dan Sukan YB Datuk Azalina Dato' Othman Said (tengah), disaksikan oleh Encik Quzier Ambak Bin Dato' Mahamad Fathil, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Equestrian Promotion Sdn Bhd.



Para pemenang AmBagus 2005: (Kiri ke kanan) Mohd Zaime Bin Zulkipli, Mohd Syawal Bin Ruslan, dan Rustam Bin Mohamad.

08



Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan AmBank (kedua dari kiri), dan Encik Mustafa Mohd Nor, Presiden, Kelab AmBank Group (ketiga dari kiri), dengan para pemenang Trofi Cabaran Kejohanan Boling KAG 2005 Ameer Hakim (paling kiri) dan Teh Siew Lan (paling kanan).

Ogos 2005

- Kumpulan AmBank telah menyumbangkan sebanyak RM30,000 untuk acara 'Malaysian Open 2005' dan 'Merdeka Masters 2005' sebagai sokongan kepada sukan equestrian negara.
- Seramai 96 pemain golf telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Golf Kelab AmBank Group (KAG) 2005 di Sungai Long Golf & Country Club, Selangor.
- Seramai 576 pemain boling telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Boling Kelab AmBank Group (KAG) 2005 di Pyramid Bowl, Sunway Pyramid.



Kiri ke kanan: YBhg Dato' James Lim Cheng Poh (Pengarah Urusan, Perbankan Perniagaan, AmBank (M) Berhad), Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, Kumpulan AmBank), YBhg Dato' Azlan Hashim (Timbalan Pengerusi, Kumpulan AmBank), dan Encik Mohamed Azmi Mahmood (Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad).



AmBank Group Boleh! Pelari-pelari dari Kumpulan AmBank yang mengambil bahagian dalam 'The Edge-Bursa Malaysia Kuala Lumpur Rat Race 2005' (Kiri ke kanan): Encik Rustam Ku Azmi, Encik Mohd Azsemi Ibrahim, Encik Balasubrameniam, Encik Andrew Lim, dan Encik Ruslan Kassim.



Peserta 'paintball' bergambar dengan YB Dato' Ong Tee Keat, Pengarah Urusan Malaysia Book of Records, (memegang sijil) selepas acara Cabaran KAG Paintball 2005.

09



Syed Anuar Syed Ali, Pengarah, Hal Ehwal Awam Kumpulan AmBank (kanan), menyerahkan cek kepada Encik Mokhlis Maizan, Presiden, Majlis Sukan Bank-Bank Malaysia (kiri).



Syed Anuar Syed Ali, Pengarah, Hal Ehwal Awam Kumpulan AmBank (baris atas, kedua dari kiri) dan ahli-ahli dari Kelab AmBank Group dan kanak-kanak dari Rumah Amal Hashimiah.

September 2005

- Untuk tahun ke-6 berturut-turut, Kumpulan AmBank telah mengambil bahagian dalam 'The Edge-Bursa Malaysia Kuala Lumpur Rat Race 2005', yang telah dianjurkan oleh The Edge dan dianjurkan bersama oleh Bursa Malaysia.
- Kelab AmBank Group telah menganjurkan lawatan ke Zoo Negara, Ampang, Selangor, untuk lebih 80 kanak-kanak kurang upaya.
- Sejumlah 68 pasukan daripada 476 ahli Kelab AmBank Group (KAG) telah mengambil bahagian dalam acara dua-hari 'KAG Paintball Challenge 2005', yang telah memecahkan rekodnya sendiri dalam Malaysia Book of Records untuk Jumlah Peserta Terbesar dan Jumlah Pasukan Terbesar di dalam Acara Paintball.
- Untuk tahun ke-2 berturut-turut, Kumpulan AmBank telah menyumbangkan RM20,000 untuk kejohanan 'AmBank Group Inter-Financial Institutions and Insurance Companies Futsal Tournament' yang telah dianjurkan oleh Majlis Sukan Bank-Bank Malaysia.



YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat dan Pemangku Menteri Wilayah Persekutuan (tengah) menyampaikan sebuah beg Kumpulan AmBank kepada seorang tetamu muda sambil disaksikan oleh Encik Mohamed Azmi Mahmood, Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad (hujung kiri), di majlis amal Rahmat Ramadan.

10

Oktober 2005

- Kelab AmBank Group, sempena Ramadan dan Aidilfitri, telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa dengan YBhg Tan Sri Dato' Azman Hashim untuk kanak-kanak dari Rumah Amal Hashimiah. Kanak-kanak tersebut juga diberikan hadiah Hari Raya yang telah dipilih oleh mereka sendiri.
- Kumpulan AmBank telah mengambil bahagian dalam Rahmat Ramadan, sebuah majlis amal yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan, yang melihat lebih dari 5,000 warga kurang bernasib baik disajikan dengan juadah berbuka puasa di Dataran Merdeka.
- Kumpulan AmBank telah menyumbangkan RM5,000 kepada Tabung Tjjarah Ramadan, sebahagian daripada Tjjarah Ramadan, yang merupakan siri rancangan 30-episod yang telah diudarkan di TV1 pada bulan Ramadan.



Presiden Kelab Kumpulan AmBank Encik Mustafa Mohd Nor (kiri) menyerahkan kunci pertama kepada para peserta 'd'Am Race 2005'.

November 2005

- Kelab AmBank Group telah menganjurkan 'd'Am Race 2005'. Sejumlah 28 pasukan dengan 112 peserta, melengkapkan perlumbaan tersebut yang terdiri daripada enam cabaran.
- Kumpulan AmBank menjadi penaja utama acara 'Rotax Max Challenge Grand Finals 2005' yang telah diadakan di Langkawi. Tajaan itu merupakan usaha AmBank untuk menggalakkan para pemandu muda untuk maju dalam dunia sukan perlumbaan 'Go-kart' dan mempromosikan sukan itu di Malaysia.



YB Datuk Dr Leo Michael Toyad, Menteri Perlombongan (duduk kiri) dan YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri (duduk kanan) melancarkan kempen Visit Malaysia Year 2007 sambil disaksikan oleh Tan Sri Dato' Azman Hashim (berdiri hujung kanan), YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat dan Pemangku Menteri Wilayah Persekutuan (berdiri kedua dari kanan) dan lain-lain kenamaan.

12

Disember 2005

- Sebagai Penaja Utama kempen pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2007, Kumpulan AmBank telah menganjurkan konsert tahun baru AmBank Group Gemilang 2006.
- Sebanyak 88 pemain golf Kumpulan AmBank telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Golf Kelab AmBank Group 2006 yang kedua.



Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, Kumpulan AmBank (tengah), mengambil gambar kumpulan dengan pemandu Pasukan AmBank Malaysia di perlumbaan akhir 'Rotax Max Challenge Grand Finals 2005'.

11



Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, Kumpulan AmBank (kiri) menyerahkan Trofi Cabarannya kepada Allan Laws, yang memenangi Kejohanan Golf Kelab AmBank Group 2005.



Tan Sri Dato' Azman Hashim Pengerusi, Kumpulan AmBank (kiri), menyerahkan anugerah Pemegang Sepanduk Terbaik kepada pemenang dari Kawasan 3 di acara pembukaan Sukarama 2006.

02



YBhg Datuk Mazidah Zakaria, ADUN Hulu Kinta (baris tengah, keempat dari kiri) bersama wakil-wakil daripada Persatuan Kesihatan Keluarga Perak dan ahli-ahli InteYo, sebuah kelab yang telah ditubuhkan di bawah naungan Persatuan Kesihatan Keluarga Perak.



Pasukan AmBank Group di 'AmBank-Kuala Lumpur International Marathon 2006'.

Februari 2006

- Sebanyak 677 atlet dari enam daerah dari seluruh negara telah mengambil bahagian di dalam Sukarama, acara sukan antara daerah yang pertama kali dianjurkan oleh Kelab AmBank Group.
- Kumpulan AmBank menjadi Kumpulan Perbankan Rasmi untuk Majlis Olimpik Malaysia, yang mengukuhkan sokongannya untuk sukan di Malaysia dan sukan di arena antarabangsa.



Encik Mohamed Azmi Mahmood, Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad, (ketiga dari kiri) dengan pemenang-pemenang Kategori Wanita 'AmBank-Kuala Lumpur International Marathon 2006'.



Encik Mohamed Azmi Mahmood (Pengarah Urusan, Perbankan Runcit, AmBank (M) Berhad), menghidupkan 'Go-kart' untuk melancarkan Kejohanan Go-Kart KAG 2006.

Mac 2006

- Sejumlah 276 ahli mengambil bahagian dalam Kejohanan Go-Kart Kelab AmBank Group 2006 yang berlangsung selama dua hari.
- 'AmBank-Kuala Lumpur International Marathon 2006' telah disertai oleh seramai 8,000 pelari dari dalam dan luar negara. Mereka bertanding dalam 11 kategori.
- Kumpulan AmBank menyumbang sebanyak RM8,000 untuk kem kepimpinan luar darjah untuk golongan pemuda kurang bernasib baik di Tapah, Perak.



Encik Hashim Shah, Pengurus Cawangan, Cawangan Utama Ipoh AmBank (kedua dari kiri), menyampaikan 'mock cheque' kepada YBhg DCP Dato' Zainal Mohd Tahir, Ketua Polis Perak (hujung kiri), sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Polis Perak YBhg Dato' Abdul Razak Hj Bokhari (ketiga dari kiri) dan Encik Mohd Shamshir, Pengurus Sokongan Pemasaran, Pemasaran Pengguna AmBank, Wilayah 2. Upacara penyampaian ini telah merasmikan sumbangan kepada Mes Pegawai-pegawai Polis di Ipoh, Perak.



Encik Mustafa Mohd Nor, Presiden KAG, melepaskan peserta-peserta AmPossible Hunt 2006 di garisan permulaan di Pusat Sains Kebangsaan.

April 2006

- Kelab Kumpulan AmBank menganjurkan acara 'Treasure Hunt' tahunan 'AmPossible Hunt 2006' dari Kuala Lumpur ke Awana Kijal Golf, Beach & Spa Resort in Terengganu.
- Kumpulan AmBank mendermakan 50 akaun Savers' G.a.n.g kepada kanak-kanak yang kehilangan bapa yang berkhidmat untuk polis di Mes Pegawai Polis, Ipoh, Perak.

04

Mei 2006

- Kumpulan AmBank menganjurkan hari keluarga AmFamily Day di Arena of Stars di Genting Highlands Resort, Pahang. Seramai lebih daripada 4,200 kakitangan Kumpulan AmBank serta ahli-ahli keluarga mereka daripada Kawasan Tengah telah menyertai acara ini.
- Kelab AmBank Group mengadakan projek amal tahunannya untuk 70 kanak-kanak dari Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM) di dunia marin Aquaria KLCC.



(Barisan hadapan), Encik Cheah Tek Kuang (kiri), Tan Sri Dato' Azman Hashim (tengah), dan Encik Mohamed Azmi Mahmood (kanan) di AmFamily Day bersama beberapa penerima Anugerah Khidmat Lama.



Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, Kumpulan AmBank (kanan), memotong reben untuk merasmikan pembukaan semula gimnasium di tingkat tujuh Bangunan AmBank Group sambil disaksikan oleh Encik Mustafa Mohd Nor, Presiden KAG.

- Kelab Kumpulan AmBank melancarkan gimnasium yang baru diubah suai di tingkat 7 Bangunan AmBank Group, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.



Kanak-kanak dari Persatuan Sindrom Down Malaysia, penjaga-penjaga, dan pegawai-pegawai KAG bergambar di Aquaria KLCC.

Jun 2006

- Sejumlah 604 pemain boling menyertai Kejohanan Boling Tahunan KAG 2006 di Pyramid Mega Lanes, Sunway Pyramid.

06



Encik Mustafa Mohd Nor, Presiden KAG (kiri) menyampaikan Piala Kejohanan Keseluruhan Boling KAG 2006 kepada Narul Azman.